



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	3/10/2019	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

6 suspek tembak gajah diberkas

TAWAU 2 Okt. - Polis menahan enam lelaki termasuk seorang peneroka dan pekerja yang digajikan khas oleh FELDA, serta seorang pendatang tanpa izin yang disyaki terbabit dalam kes seekor gajah ditemukan mati akibat ditembak di kawasan hulu Sungai Udin, Dumpas dekat sini Selasa lepas.

Ketua Polis Daerah Tawau ACP Peter Umbuas berkata, suspek berumur dalam lingkungan 48 dan 68 tahun itu ditahan antara pukul 12.20 tengah malam tadi dan tengah hari ini dalam Ops Bersepadu Khazanah.

Katanya, bertindak atas maklumat awam, sepasukan polis menahan seorang lelaki di FELDA Umas 4 kira-kira pukul 12.20 tengah malam tadi.

Menurutnya, tiga lagi lelaki ditahan dalam serbuan lewat malam tadi, manakala dalam serbuan tengah hari tadi dua lagi ditahan, masing-masing di FELDA Umas dan Ladang Dumpas.

“Daripada enam lelaki ini, dua merupakan penembak gajah dan empat lagi bersubahat, katanya.